

Kamera pengawasan di lokasi strategik 2007

Um - 27/9/2006

STOCKHOLM 26 Sept.

- Lebih 700 buah kamera pengawasan akan dipasang di lokasi strategik dan kawasan gelap di seluruh negara bermula pertengahan tahun depan dalam usaha mengurangkan kemalangan jalan raya dan kematian akibat nahas itu, kata Menteri Pengangkutan Datuk Seri Chan Kong Choy.

Beliau berkata, pemasangan kamera itu yang akan dilaksanakan dalam tiga fasa sehingga 2010 di bawah Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES), bertujuan menangkap pemandu kenderaan dan penunggang motosikal yang melakukan kesalahan lalulintas.

AES ialah antara empat projek yang dicadangkan kementerian itu di bawah Pelan Induk Keselamatan Jalan Raya selama lima tahun (2006-2010). Projek lain membabitkan program dalam pendidikan, penguatkuasaan, kejuruteraan dan perlindungan alam sekitar.

"Kamera itu akan dipasang di lampu isyarat, lebuhraya, jalan persekutuan dan negeri serta mewujudkan Unit Pengawasan Kamera Bergerak yang akan dikerahkan ke tempat tertentu," katanya memberitahu wartawan Malaysia di sini.

Chan kini mengetuai delegasi 16 anggota termasuk Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd. Ali Mohd Rustam dan Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Alfred Jabu melawat Sweden selama enam hari untuk mengkaji program keselamatan jalan raya di negara itu, yang mencatatkan kadar kemalangan dan kematian yang paling rendah di dunia.

Chan berkata, melalui AES, kamera pengawasan akan mengawasi setiap pergerakan kenderaan dan mencatatkan kelajuannya dan maklumat itu akan dihubungkan ke pusat kawalan yang akan mengenal pasti kenderaan yang melakukan kesalahan lalulintas.

Beliau berkata, agensi penguatkuasaan seperti polis akan mengkaji sama ada pemandu itu melakukan kesalahan di bawah mana-mana undang-undang lalu lintas.

"Sebaik saja polis mengatakan O.K, kita sudah ada kes untuk mengeluarkan tiket dan menghantar kepada pemilik kenderaan," katanya sambil menambah bahawa kamera pen-

awasan itu akan berfungsi 24 jam sehari, tujuh hari seminggu dan sepanjang tahun.

Katanya, sistem itu telah dibuktikan berkesan dalam mendisiplinkan pemandu dan pengguna jalan raya di Australia, Amerika Syarikat, Eropah, China dan Korea Selatan memandangkan kadar kesalahan lalulintas berkurangan kira-kira 40 peratus.

"Kabinet telah meluluskan pemasangan kamera pengawasan itu bulan lepas dan setakat ini, kita telah terima 10 cadangan daripada syarikat tempatan dan antarabangsa yang mahu menyediakan kita dengan sistem itu (projek AES)," kata beliau.

Sehubungan itu, satu jawatankuasa kerja telah ditubuhkan yang dipengerusikan Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan dan dianggotai pegawai daripada Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Kementerian Kewangan, polis dan Unit Perancangan Ekonomi untuk menilai cadangan tersebut.

"Kita akan mulakan dengan fasa pertama dengan sebuah kamera akan dipasang di bandar raya, lebuhraya sebelum diperluaskan ke semua bandar raya, lebuhraya jalan negeri dan persekutuan," katanya.

Di bawah fasa pertama dan kedua, Chan berkata, Unit Kamera Pengawasan Bergerak telah diwujudkan untuk memantau pemandu dan pengguna jalan raya yang memandu dengan laju dan tidak mematuhi lampu isyarat, katanya.

Menteri itu berkata, di bawah fasa ketiga, kamera pengawasan akan mengawasi aspek lain kesalahan lalulintas seperti memotong di garisan berkembar dan menggunakan lorong kecemasan.

"Kita akan pinda Akta Pengangkutan Jalan Raya bagi membenarkan semua keterangan yang diambil melalui kamera itu boleh diterima oleh mahkamah sebagai bukti," kata beliau.

Beliau juga berkata, statistik kementerian itu menunjukkan 6,188 kes kematian akibat kemalangan jalan raya di Malaysia pada tahun lepas dengan nisbah 4.2 kematian bagi setiap 10,000 kenderaan yang didaftarkan.

- Bernama